



21 Jun 2021  
21 June 2021  
P.U. (A) 272

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 3) (PINDAAN) 2021

### *PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 3) (AMENDMENT) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 3)  
(PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 3) (Pindaan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2021.

**Peraturan baharu 14A**

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 3) 2021 [*P.U. (A) 265/2021*] dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 14 peraturan yang berikut:

**“Peruntukan khas berhubung dengan kawalan pergerakan di dalam Negeri Sabah**

14A. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, kawalan pergerakan, langkah, dan apa-apa syarat bagi kawalan pergerakan dan langkah itu, bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di dalam Negeri Sabah, hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.”.